

TAWARAN ISTIMEWA AIDILFITRI

Dikemaskini pada 07 Julai 2017

TEMPOH PROMOSI

"Istimewa Aidilfitri" ("Promosi") Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) ("HLISB") bermula pada 16 Julai 2017 dan berakhir pada 21 Julai 2017, kedua-dua tarikh termasuk ("Tempoh Promosi"), kecuali dinyatakan sebaliknya.

Promosi terdiri daripada produk-produk berikut:-

- (A) Akaun Semasa atau Akaun Simpanan-i ("CASA-i");
- (B) Pembiayaan Peribadi-i ("PF-i");

Terma & Syarat ("T&Cs")

KELAYAKAN DAN MEKANISME CASA-i

1. Promosi CASA-i ini terbuka kepada semua pelanggan individu HLISB atau Hong Leong Bank Berhad ("HLB") yang baru dan sedia ada termasuk warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia yang membuka mana-mana CASA-i Sertaan ("Pemegang Akaun") :
 - (a) Akaun Pay & Save-i Hong Leong
 - (b) Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong
 - (c) Akaun Simpanan-i Hong Leong
 - (d) Akaun Simpanan Multi-tier-i Hong Leong
 - (e) Akaun Semasa One-i Hong Leong
 - (f) Akaun Simpanan Junior-i Hong Leong
 - (g) Hong Leong Payroll Plus-i

CASA-i yang menyertai adalah akaun deposit berdasarkan Prinsip Syariah yang dinamakan Tawarruq

2. Pemegang akaun layak ke atas Hadiah Peserta Terawal ("Hadiah") tertakluk kepada pematuhan kriteria yang ditetapkan dalam Jadual di bawah ("Pemegang Akaun Layak") dan tertakluk kepada ketersediaan Hadiah.

| Hadiah Pendaftaran | Kuantiti | Amaun Minima Deposit |
|---------------------------|-----------------|-----------------------------|
| Kemeja Cool Trendy | 3,000 | RM500 |
| Beg Sandang | 572 | RM800 |

3. Semua deposit mestilah dana baru. "Dana Baru" ditakrifkan sebagai:
 - (a) Wang Tunai, Interbank GIRO, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf dari Bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh Bank lain dan
 - (b) Pendapatan hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau Hong Leong Invest Safesemasa Tempoh Promosi yang akan didepositkan semula ke dalam CASA-i HLISB".
4. Perkara-perkara berikut TIDAK akan dianggap sebagai "Dana Baru":
 - (a) Pengeluaran Deposit tetap (FD) / Deposit Tetap FD-i (FD-i) yang sedang Matang atau pengeluaran FD / FD-i sebelum matang;
 - (b) Pindahan dana Intra-bank, iaitu pindahan dana daripada akaun HLB/HLISB lain sama ada Akaun Simpanan, Tetap, Deposit Tetap, Deposit Tetap-i ("FD-i") atau Akaun Pelaburan Am ("GIA"); dan
 - (c) Pindahan antara cawangan HLB dan HLISB termasuk pindahan akaun pihak ketiga (ke-3)

5. Hadiah akan diberikan serta merta kepada Pemegang Akaun Layak di cawangan HLB/ HLISB berkenaan setelah memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Klausa 2 dan 3.
6. Hadiah adalah sah atas dasar siapa cepat dia dapat, terhad kepada satu (1) hadiah untuk setiap Pemegang Akaun Layak yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Klausa 2 dan 3 semasa Tempoh Promosi dan sementara stok masih ada.

Semua CASA-i Sertaan layak untuk perlindungan oleh PIDM

KELAYAKAN DAN MEKANISME UNTUK PEMBIAYAAN PERIBADI-I

1. Promosi PF-i ini dibuka kepada semua pelanggan individu baru yang berwarga negara Malaysia dan memenuhi kriteria berikut ("Pelanggan Layak PF-i"):
 - (a) Memohon untuk Pembiayaan Peribadi-i Hong Leong ("Kemudahan") dengan amaun minima Dua Puluh Ribu Ringgit Malaysia (RM20,000) dan ke atas secara langsung di mana-mana cawangan HLB/ HLISB;
 - (b) Penerimaan dan pembiayaan Kemudahan berjumlah Dua Puluh Ribu Ringgit Malaysia (RM20, 000) dan ke atas sebelum 31 Ogos 2017;
 - (c) Pembiayaan kepada akaun individu CASA-i HLISB sahaja.
2. Berikut adalah TIDAK layak untuk menyertai Promosi ini:
 - (a) Kakitangan HLB / HLISB sama ada tetap atau berdasarkan kontrak, mana-mana pekerja perwakilan atau ejen HLB/HLISB wakil atau agen (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, agen pengiklanan dan promosi) dan ahli keluarga terdekat mereka yang berkenaan (iaitu suami atau isteri, kanak-kanak, ibu bapa, saudara-saudara atau adik-beradik);
 - (b) Individu yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan pemalsuan, menyalahi undang-undang atau berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB / HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau dikenakan sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi; dan
 - (c) Individu yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB/ HLISB untuk berpotensi melakukan tindakan salah yang dinyatakan di sini.
 - (d) Pemegang akaun Pembiayaan Peribadi HLB/ HLISB sedia ada.
3. Seratus (100) Pelanggan Layak PF-pertama berkeelayakan untuk menerima Kad Hadiah Petrol bernilai Seratus Ringgit Malaysia (RM100.00) atas dasar siapa cepat dia dapat, terhad kepada satu (1) Kad Hadiah Petrol bagi setiap Pelanggan Layak PF-i yang memenuhi kriteria semasa tempoh promosi dan sementara stok masih ada.
4. Kad Hadiah Petrol akan diposkan kepada Pelanggan Layak PF-i tidak lewat daripada 30 September 2017.

AM

1. Hadiah / Kad Hadiah Petrol yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web HLISB ini adalah untuk tujuan ilustrasi semata-mata. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan dengan Hadiah / Kad Hadiah Petrol dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan sahaja dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada Hadiah/ Kad Hadiah Petrol.
2. Dengan menyertai Promosi ini, Pemegang Akaun/Pelanggan Layak bersetuju:-
 - (a) untuk terikat dengan T&Cs di sini;
 - (b) Keputusan HLISB terhadap semua perkara yang berkaitan dengan promosi ini hendaklah muktamad, konklusif dan terikat ke atas semua pelanggan dan tiada surat-menyurat selanjutnya dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLISB ini tidak akan dilayan;
 - (c) untuk mengakses laman web HLISB pada skala masa tetap untuk melihat T&Cs promosi ini dan memastikan supaya mendapat maklumat terkini mengenai sebarang perubahan atau pertukaran T&Cs;

- (d) Bersetuju bahawa HLISB tidak mewakili atau memberi jaminan berhubung dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah/Kad Hadiah Petrol dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang yang kehilangan, kecurian atau kerosakan Hadiah / Kad Hadiah Petrol (sama ada disebabkan oleh kecacatan dalam bahan-bahan atau mutu kerja oleh pengeluar di bawah jaminan atau sebaliknya). Sebarang aduan atau pertikaian mengenai Hadiah / Kad Hadiah Petrol hendaklah diselesaikan di antara Pemegang Akaun/Pelanggan Layak dan pengeluar/pembekal masing-masing secara langsung tanpa bantuan HLISB;
 - (e) Bersetuju Hadiah / Kad Hadiah Petrol akan diberikan atas dasar "Keadaan Sedia Ada";
 - (f) Bersetuju bahawa Hadiah / Kad Hadiah Petrol tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit, cek atau barangan;
3. HLISB mempunyai hak:
- (a) untuk membatalkan Promosi ini di dalam keadaan di mana terdapat pembalikan bagi Pemegang Akaun/Pelanggan Layak atau penamatan Tempoh Promosi pada setiap masa atau ketidakpatuhan Terma dan Syarat yang terkandung di sini;
 - (b) untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&Cs yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian pada budi bicara HLISB's dengan cara mempamerkannya di laman web HLISB, atau dalam sebarang cara yang dianggap sesuai oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu;
 - (c) untuk membatalkan mana-mana Pemegang Akaun/Pelanggan Layak atas sebarang sebab sekalipun kerana HLISB boleh menurut budi bicara mutlak yang dianggap sesuai untuk menyertai Promosi ini tanpa memberi sebarang alasan;
 - (d) untuk menukar atau mengganti Hadiah/Kad Hadiah Petrol di sini dengan alternatif produk yang mempunyai nilai yang sama pada budi bicara mutlak, dengan memaparkan di laman web HLISB atau sebarang kaedah lain yang dianggap praktikal oleh HLISB, untuk memberi notis terlebih dahulu kepada Pemegang Akaun/Pelanggan yang Layak.
4. T&C di sini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan, T&Cs tertentu di sini akan mengatasi percanggahan tersebut.
5. Pemegang Akaun/Pelanggan Layak bertanggungjawab dan hendaklah secara peribadi mengganggu semua cukai yang berkenaan, bayaran kerajaan atau sebarang bayaran yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang berkaitan, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
6. Jika terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs di sini, dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan promosi ini, T&Cs yang terakhir di laman web HLISB akan diguna pakai.
7. T&Cs hendaklah ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan/Pemegang Akaun bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa Mahkamah Malaysia.